

Hargai keamanan mesej PM sempena Hari Wesak

BH - 12 / 05 / 06

PUTRAJAYA: Pertubuhan berkaitan agama perlu memainkan peranan penting membantu pembangunan modal insan yang menjadi elemen paling kritikal bagi mencapai Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pembangunan modal insan yang sedang rancak dilaksanakan kerajaan bertujuan melahirkan rakyat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, selain memiliki sikap, nilai dan etika

positif serta progresif. "Nilai murni serta akhlak pekerti yang baik dan mulia adalah tunjang peribadi yang amat penting untuk setiap individu. "Masyarakat kita akan menjadi lebih selamat dan tenteram seandainya kita menghayati dan mengamalkan apa yang agama kita terapkan selama ini," katanya dalam perutusan sempena Hari Wesak hari ini. Abdullah berkata, walaupun ada fahaman dan pengamalan, semua agama pada hakikatnya mempunyai

ciri-ciri sejagat yang baik. "Semua agama mendidik penganutnya sentiasa mengamalkan nilai murni dan akhlak peribadi yang mulia. "Semua agama membentuk penganutnya menjadi manusia yang cintakan keamanan, menghargai kedamaian dan menghendaki kemajuan," katanya. Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pertubuhan agama mempunyai peranan penting dalam pembangunan modal insan dan memupuk perpaduan rakyat pelbagai bang-

sa dan agama. "Kerajaan juga sentiasa menggalakkan hubungan harmoni antara penganut pelbagai agama dengan menekankan isu sosial seperti pencegahan jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang memerlukan kerjasama rakyat pelbagai agama," katanya. Perdana Menteri berkata, Malaysia dipandang sebagai negara contoh kerana rakyat beragama, budaya dan keturunan berbeza dapat hidup aman damai dan bersatu padu. "Saya amat gembira melihat rakyat

Malaysia segenap kaum dan agama terus mendukung tradisi saling berkongsi dan menyayangi yang telah kita amalkan selama ini. "Kita mesti menghargai keamanan dan kestabilan yang kita nikmati sekarang. Kita harus belajar daripada sejarah dan tidak harus leka walau sekejap manapun sehingga membiarkan keharmonian yang kita kecapi musnah begitu saja," katanya. Abdullah turut mengucapkan selamat Hari Wesak kepada rakyat Malaysia beragama Buddha.